

Persediaan mahasiswa hadapi arus globalisasi

Oleh HASNAH HUSIIN

CABARAN abad ke-21 menyaksikan kepesatan arus globalisasi yang terpaksa ditangani dan diharungi oleh semua negara di dunia. Golongan yang tidak terkecuali menerima impak globalisasi ialah mahasiswa.

Persoalannya adakah mahasiswa kita mampu menghadapi persaingan di alaf akan datang? Adakah universiti telah meletakkan asas yang kukuh untuk mahasiswa menongkah arus globalisasi yang sangat deras dan bergelora? Berupayakah universiti dan mahasiswa memberikan respons yang sewajarnya terhadap kehendak pasaran pekerjaan yang begitu agresif, liberal dan kompetitif di luar sana?

Cabaran yang paling besar pada abad ini pada pendapat penulis adalah untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai jati diri dan semangat kenegaraan yang kuat. Pembangunan pesat teknologi maklumat serta penyebaran budaya Barat telah menjadi penyumbang utama kepada pembentukan masyarakat baru yang tiada identiti.

Dalam hal ini, universiti atau institusi pengajian tinggi (IPT) memainkan peranan penting dalam mendidik mahasiswa agar mempunyai jati diri sebagai warganegara Malaysia dan pada waktu yang sama mampu mempertahankan kedaulatan tanah air, maruah agama dan identiti bangsa.

Penghakisan jati diri begitu senang berlaku dalam masyarakat pada hari ini khususnya para remaja yang mudah terikut-ikut dengan budaya asing. Masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini juga menggambarkan betapa unsur-unsur sayangkan bangsa dan negara sudah terhakis. Begitu juga dengan nilai-nilai murni yang menjadi identiti bangsa Melayu sebelum ini juga semakin pudar

ditelan zaman.

Di era globalisasi ini, kekayaan dan kejayaan sesebuah negara adalah diukur menerusi pencapaian teknologi yang tinggi dan juga kemampuan ekonomi untuk terus bersaing di arena antarabangsa. Oleh itu negara perlu mampu melahirkan mahasiswa yang mempunyai ilmu pengetahuan yang boleh diguna pakai di seluruh dunia. Malaysia pada hari ini masih tidak boleh berbangga seratus peratus dengan pembangunan yang dikecapi kerana ia masih lagi hasil air tangan pakar-pakar dari luar negara.

Era globalisasi juga menuntut mahasiswa bersaing di peringkat antarabangsa. Untuk itu mereka perlu mempunyai daya intelektual yang tinggi agar berketerampilan, kreatif, inovatif serta bijak dan pada masa yang sama perlu berfikiran global.

Selain daripada itu, satu perkara yang kurang diberi perhatian oleh institusi pendidikan di negara ini khususnya di peringkat pengajian tinggi ialah penerapan kemahiran keinsanan di kalangan para pelajar. Harus ditekankan di sini, tanpa kemahiran keinsanan inilah merupakan salah satu penyebab kepada pengangguran kepada mahasiswa mahasiswi pada hari ini.

Mahasiswa pada hari ini perlu sedar bahawa di samping ilmu kemahiran teknikal, kejuruteraan, teknologi, pengurusan dan sebagainya mereka juga perlu mempunyai kemahiran bukan teknikal untuk bersaing di peringkat antarabangsa dan dalam negara.

Dalam hal ini, mahasiswa juga perlu mempunyai kebolehan untuk bekerja dalam organisasi yang terdiri dari pelbagai bangsa dan budaya dan berbagai disiplin. Contohnya di negara Barat, pelajar-pelajar universiti didedahkan dengan persekitaran kerja yang terdiri daripada pelbagai budaya dan kaum di mana mereka diberi

um - 20/9/2008

peluang untuk merasai suasana bekerja dengan pekerja di organisasi tersebut dan bersama-sama menyiapkan sesuatu projek (*real project*). Jadi dengan ini pelajar-pelajar bukan sahaja diberikan teori bahkan diberi peluang untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari di universiti sebelum ini. Rentetan daripada ini juga mahasiswa juga perlu menguasai dan memahami budaya orang lain terutamanya dari segi perlakuan, budaya, kebiasaan dan adat.

Ini bagi membolehkan seseorang itu tidak merasa kekok apabila bekerja di sesuatu organisasi yang berbeza budaya dan agama. Ini ada kaitan dengan perumpamaan atau pepatah Melayu yang berbunyi "masuk kandang kambing mengembek", "masuk kandang kerbau menguak" dan "masuk kandang harimau mengaum". Maksudnya di era globalisasi pada hari ini, adalah merupakan suatu kemestian bagi mahasiswa mempelajari budaya yang di luar dari lingkungan budaya mereka sendiri.

Kesinambungan daripada memahami budaya dan adat bangsa lain, mahasiswa juga perlu mempunyai keupayaan menguasai lebih daripada dua bahasa selain daripada bahasa ibunda mereka. Sebagaimana yang telah diketahui secara umumnya globalisasi itu membawa maksud pengantarabangsaan.

Oleh itu keupayaan seseorang menguasai beberapa bahasa asing merupakan satu kelebihan yang tidak ternilai seperti kebolehan berbahasa Inggeris, Arab, Jerman, Perancis, Sepanyol dan sebagainya. Kebolehan dalam penguasaan bahasa asing akan menjadikan mahasiswa dapat bersaing sama ada di peringkat antarabangsa mahupun di dalam negara.

Ini memandangkan di Malaysia sendiri telah terdapat banyak syarikat-syarikat asing seperti Jerman, Perancis dan negara-negara Timur Tengah yang melabur di

negara ini.

Di samping mempunyai kemahiran yang tinggi dalam disiplin ilmu mereka, mahasiswa pada hari ini juga perlu berupaya memahami isu-isu global serta bersifat terbuka terhadap budaya luar.

Masalah pengangguran di kalangan mahasiswa sebenarnya bukan tidak ada jalan penyelesaian. Pada pendapat penulis, mahasiswa tidak perlu menuding jari kepada kerajaan atau universiti di mana mereka belajar, tetapi diri mahasiswa itu sendiri. Mahasiswa pada hari ini perlu pandai mencari peluang untuk mempertingkatkan kualiti diri mereka sebelum menempuh alam pekerjaan.

Mahasiswa perlu sedar bahawa pihak kerajaan sudah banyak berkorban untuk mendidik anak bangsa dengan menyediakan pendidikan percuma sejak dari sekolah rendah, menengah sehinggalah ke peringkat universiti walaupun ada sedikit yuran perlu dibayar. Manakala yang lain-lain adalah percuma. Jadi sudah sampai masanya mahasiswa pada hari ini belajar untuk berdikari dan mampu membangunkan negara tanpa pertolongan dan subsidi daripada kerajaan.

Walaupun banyak telah dibuat terhadap perkembangan globalisasi sama ada membawa kesan baik atau kesan buruk, Malaysia perlu bijak menanganinya. Tidak kira baik atau buruk, ia terpulang kepada sesebuah negara dan seseorang individu untuk menguruskan globalisasi agar ia memberi manfaat dan kebaikan untuk agama, bangsa dan negara.

□ HASNAH HUSIIN ialah pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Kolej Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem)